

**LAMPIRAN A**

**1. Syarat Kelayakan Program MyMaster**

Pemohon hendaklah berkelayakan dan memenuhi syarat-syarat berikut:

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Berumur **tidak melebihi 35 tahun pada 1 Januari 2016**;
- iii. Pemohon mestilah:
  - a. Orang awam yang tidak bekerja dan tidak berpendapatan tetap; atau
  - b. Kakitangan swasta; atau
  - c. Pensyarah IPTS; atau
  - d. Kakitangan kerajaan/badan berkanun/ Universiti Awam (kontrak/sambilan/sementara);
- iv. Pemohon yang bekerja di luar negara tidak layak memohon;
- v. Pemohon tidak memiliki Ijazah Sarjana atau setaraf semasa memohon MyMaster;
- vi. Memenuhi syarat kemasukan ke IPT dan telah menerima surat tawaran pengajian secara sepenuh masa tidak bersyarat dari IPT atau telah memulakan pengajian di IPT;
- vii. Tidak menerima pembiayaan lain dari mana-mana pihak untuk membiayai pengajian di peringkat yang sama;
- viii. Memiliki kelayakan akademik seperti berikut:
  - a. Memiliki **Ijazah Sarjana Muda** atau setaraf yang diiktiraf oleh Kerajaan dengan PNGK **3.00 - 4.00 atau setara**; atau
  - b. Berumur sekurang-kurangnya 30 tahun dan mendapat Sijil Perakuan Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL) bagi kemasukan ke program Ijazah Sarjana (tahap 7, Kerangka Kelayakan Malaysia) dari Agensi Kelayakan Malaysia (MQA);
- ix. Mengikuti pengajian secara **sepuh masa** sahaja;

- x. Telah menyelesaikan atau sedang membuat pembayaran balik pinjaman pelajaran secara ansuran (sekiranya berkaitan) bagi pinjaman yang ditaja oleh PTPTN; dan
- xi. Tiada sebarang pelanjutan tempoh pengajian dan pertukaran peringkat pengajian.

## 2. Kemudahan

Pemohon yang berjaya akan diberikan kemudahan meliputi pembiayaan seperti berikut:

Peringkat	Kemudahan Yuran	Elaun Sara Hidup	*Elaun Tesis	Tempoh Maksimum Pembiayaan
Sarjana	Yuran Pengajian : tidak melebihi <b>RM10,000</b> sepanjang pengajian	Tiada	Mod Penyelidikan : <b>RM3,000</b> Mod Campuran : <b>RM1,500</b>	Sepenuh Masa : <b>24 bulan</b>

(\*Tuntutan Elaun Tesis dan Jurnal adalah tertakluk kepada baki yuran)

## 3. Tempat Pengajian

Pemohon boleh mengikuti pengajian dalam semua bidang sama ada di Universiti Awam atau IPTS bertaraf Universiti, IPTS bertaraf Kolej Universiti, Kolej dan Kampus Cawangan Universiti Luar Negara.

## 4. Ikatan Perjanjian

Pemohon yang berjaya mendapat tawaran pembiayaan MyBrain15 dikehendaki menandatangani perjanjian.

## 5. Tatacara Permohonan

- i. Permohonan hendaklah melalui sistem aplikasi secara atas talian di portal MyBrain15 iaitu :

<https://basiswa.mohe.gov.my/MyBrain15/>

SYARAT PERMOHONAN PROGRAM MYMASTER TAHUN 2016

- ii. Pemohon juga perlu memuat naik secara atas talian dokumen-dokumen berikut :
  - a. Salinan kad pengenalan;
  - b. Rancangan penyelidikan (*research proposal*) yang disahkan oleh penyelia (mod penyelidikan/campuran sahaja);
  - c. Transkrip Ijazah Sarjana Muda; dan
  - d. Borang Pengesahan Maklumat Pemohon.
- iii. Permohonan dengan dokumen yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan tidak akan diproses untuk tujuan pertimbangan;
- iv. Sebarang pertanyaan atau kemusykilan dalam urusan ini, sila hubungi:

Bahagian Biasiswa  
Kementerian Pendidikan Tinggi  
Aras 2, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62200 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**  
(u.p.: Unit MyBrain15)

**LAMPIRAN B**

**1. Syarat Kelayakan Program MyPhD**

Pemohon hendaklah berkelayakan dan memenuhi syarat-syarat berikut:

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Berumur **tidak melebihi 35 tahun pada 1 Januari 2016**;
- iii. Pemohon mestilah;
  - a. Orang awam yang tidak bekerja dan tidak berpendapatan tetap; atau
  - b. Kakitangan swasta; atau
  - c. Pensyarah IPTS.; atau
  - d. Kakitangan kerajaan/badan berkanun/Universiti Awam (kontrak/sambilan/sementara);
- iv. Pemohon yang bekerja di luar negara tidak layak memohon;
- v. Pemohon tidak memiliki Ijazah Kedoktoran atau setaraf semasa memohon MyPhD;
- vi. Memenuhi syarat kemasukan ke IPT dan telah menerima surat tawaran pengajian secara sepenuh masa tidak bersyarat dari IPT atau telah memulakan pengajian di IPT;
- vii. Tidak menerima pembiayaan lain dari mana-mana pihak untuk membiayai pengajian di peringkat yang sama;
- viii. Memiliki **Ijazah Sarjana** atau setaraf yang diiktiraf oleh Kerajaan dengan PNGK **3.00 - 4.00 atau setara**;
- ix. Mengikuti pengajian secara **sepuh masa** sahaja;
- x. Telah menyelesaikan atau sedang membuat pembayaran balik pinjaman pelajaran secara ansuran (sekiranya berkaitan) bagi pinjaman yang ditaja oleh PTPTN; dan
- xi. **Tiada sebarang pelanjutan tempoh pengajian, pertukaran kategori pemohon** kepada Orang Awam yang tidak bekerja dan tidak berpendapatan tetap (P1 - layak menerima

pembiayaan Yuran Pengajian dan Elaun Sara Hidup) dan pertukaran peringkat pengajian.

## 2. Kemudahan

Pemohon yang berjaya akan diberikan kemudahan meliputi pembiayaan seperti berikut:

Peringkat	Kemudahan Yuran	Elaun Sara Hidup	*Elaun Tesis/Jurnal	Tempoh Maksimum Pembiayaan
PhD	Yuran Pengajian : tidak melebihi <b>RM24,000</b> sepanjang pengajian	<b>RM1,800</b> sebulan	<b>Elaun Tesis</b> Tidak melebihi <b>RM3,000</b> <b>Elaun Jurnal</b> tidak melebihi <b>RM2,000</b>	Sepenuh Masa : <b>36 bulan</b>

(\*Tuntutan Elaun Tesis dan Jurnal adalah tertakluk kepada baki yuran)

## 3. Tempat Pengajian

Pemohon boleh mengikuti pengajian dalam semua bidang sama ada di Universiti Awam atau IPTS bertaraf Universiti dan Kampus Cawangan Universiti Luar Negara.

## 4. Ikatan Perjanjian

Pemohon yang berjaya mendapat tawaran pembiayaan MyBrain15 dikehendaki menandatangani perjanjian.

## 5. Tatacara Permohonan

- i. Permohonan hendaklah melalui sistem aplikasi secara atas talian di portal MyBrain15 iaitu:  
<https://basiswa.mohe.gov.my/MyBrain15/>
- ii. Pemohon juga perlu memuat naik secara atas talian dokumen-dokumen berikut:

SYARAT PERMOHONAN PROGRAM MYPHD TAHUN 2016

- a. Salinan kad pengenalan;
  - b. Rancangan penyelidikan (*research proposal*) yang disahkan oleh penyelia (mod penyelidikan/campuran sahaja);
  - c. Transkrip Ijazah Sarjana; dan
  - d. Borang Pengesahan Maklumat Pemohon;
- iii. Permohonan dengan dokumen yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan tidak akan diproses untuk tujuan pertimbangan;
- iv. Sebarang pertanyaan atau kemusykilan dalam urusan ini, sila hubungi:

Bahagian Biasiswa  
Kementerian Pendidikan Tinggi  
Aras 2, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62200 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**  
(u.p.: Unit MyBrain15)